



**YB Dato' Sri
Richard Riot anak Jaem**

Menteri Sumber Manusia, Malaysia

**Ucapan Sempena Majlis Pelancaran Portal Gaji
Minimum**

Aras 6, Hotel Premiera
Menara MARA
Jalan Tuanku Abdul Rahman
Kuala Lumpur
3 Disember 2013 (Selasa)
9.00 pagi

Terima kasih Saudara/i Pengacara Majlis.

YB Senator Dato' Sri Idris Jala, Menteri Di Jabatan Perdana Menteri
merangkap Ketua Pegawai Eksekutif PEMANDU

YB Dato' Haji Ismail bin Hj. Abd Muttalib
Timbalan Menteri Sumber Manusia

YBhg. Dato' Seri Zainal Rahim bin Seman
Ketua Setiausaha Kementerian Sumber Manusia

YBhg. Tan Sri Datuk Amar Steve Shim Lip Keong
Pengerusi Majlis Perundingan Gaji Negara

Tan Sri-Tan Sri, Datuk-Datuk, ahli-ahli MPGN, ketua-ketua jabatan dan pegawai-pegawai kanan di bawah Kementerian Sumber Manusia serta pihak PEMANDU, tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati sekalian.

1. Terlebih dahulu saya ingin merakamkan penghargaan serta terima kasih kepada Urus Setia MPGN dan PEMANDU selaku penganjur bersama kerana menjemput saya untuk menyampaikan ucaptama dan seterusnya merasmikan pelancaran **Portal Gaji Minimum** ini.

Tuan-Tuan dan Puan-Puan.

2. Sejak negara mencapai kemerdekaan, gaji setiap pekerja ditentukan oleh kuasa pasaran yang merupakan kaedah terbaik dalam menentukan gaji pekerja, dengan syarat kuasa rundingan antara majikan dan pekerja adalah seimbang. Malangnya kuasa pasaran tidak berfungsi dengan saksama sehingga menyebabkan gaji para pekerja masih pada paras yang sangat rendah. Di sinilah Kerajaan memainkan peranan sebagai pengantara yang adil dan saksama dalam memastikan keadilan sosial dapat ditegakkan.

3. Seperti yang tuan-tuan dan puan-puan sedia maklum, dasar gaji minimum di negara ini seperti yang diumumkan oleh YAB Perdana Menteri pada **30 April 2012** masih di peringkat awal pelaksanaannya. Sebagaimana pelaksanaan gaji minimum di negara-negara lain, dasar ini merupakan cabaran besar kepada mana-mana Kerajaan yang melaksanakannya pada peringkat permulaan.

4. Kajian-kajian menunjukkan bahawa pelaksanaan gaji minimum pada kadar yang munasabah dan berpatutan sebenarnya memberi impak yang positif terhadap transformasi ekonomi dan juga sosial kerana gaji minimum berjaya meningkatkan pendapatan golongan pekerja yang bergaji rendah, meningkatkan insentif untuk bekerja, mengurangkan tekanan untuk Kerajaan dalam memberi bantuan kebajikan (contohnya oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat dan lain-lain pemberian kewangan seperti BRIM, TRIM dan sebagainya), dan seterusnya dapat mengurangkan kadar kemiskinan dalam kalangan pekerja.

5. Memang tidak dapat dinafikan bahawa Kerajaan telah mencapai banyak kejayaan dalam mentransformasikan negara. Daripada sebuah ekonomi yang berasaskan pertanian berpendapatan rendah Malaysia bergerak menjadi sebuah ekonomi perindustrian berpendapatan sederhana tinggi. Kejayaan tersebut wajar dijadikan landasan atau *platform* dalam hasrat untuk menjadi negara maju berpendapatan tinggi menjelang tahun 2020.

6. Untuk maksud itu, Malaysia tidak boleh lagi bergantung kepada kos buruh yang rendah untuk bersaing dalam pasaran global kerana Malaysia sudah tidak mempunyai *competitive advantage* berbanding negara lain yang memiliki tenaga buruh yang murah seperti Indonesia, Myanmar, Vietnam, Laos atau Bangladesh.

Tuan-tuan dan puan-puan.

7. YAB Perdana Menteri Dato' Sri Mohd Najib Bin Tun Haji Abdul Razak pada 13 Jun 2013 telah menegaskan bahawa masih terdapat

majikan di negara ini yang membayar gaji kepada pekerja di bawah paras gaji minimum sedangkan mereka mendapat keuntungan yang lumayan. Sebagai Menteri Sumber Manusia, saya menganggap pesanan YAB Perdana Menteri ini sebagai suatu teguran yang serius dan perlu diberi perhatian oleh semua majikan di negara ini.

8. Bagi merealisasikan hasrat negara untuk menjadi negara berpendapatan tinggi, pelaksanaan gaji minimum merupakan salah satu daripada pendekatan transformasi dalam pasaran buruh. Seperti yang telah saya sebutkan tadi, pelaksanaan gaji minimum masih di peringkat awal dan tidak dinafikan masih ada majikan dan pekerja yang masih kurang faham tentang dasar dan kaedah pelaksanaannya. Justeru, **Portal Gaji Minimum** ini akan dapat membantu meningkatkan kesedaran dan kefahaman dalam melicinkan pelaksanaan dasar ini.

Hadiran-hadirat sekalian.

9. Saya dimaklumkan portal gaji minimum ini adalah hasil daripada keputusan yang diambil dalam Sesi Pre-Lab Gaji Minimum yang diadakan pada bulan Mei tahun ini dengan bantuan pihak PEMANDU. Portal yang mesra pengguna atau *user-friendly* ini diharap dapat membantu memaklumkan kepada rakyat mengenai dasar dan rasional gaji minimum negara dengan lebih tepat dan menyeluruh.

10. Portal ini akan dapat memudahkan para pekerja, majikan, pegawai-pegawai Kerajaan serta orang awam memahami aspirasi dasar gaji minimum negara dari segi aspek pelaksanaannya. Sebagai portal yang mesra pengguna, portal gaji minimum ini mempunyai tiga (3)

segmen iaitu ruangan bagi majikan, ruangan bagi pekerja dan ruangan bagi berita terkini termasuk penerbitan berkenaan gaji minimum.

11. Bagi memastikan portal ini bersifat interaktif, turut dimuatkan beberapa senario, FAQs, serta infografik berhubung gaji minimum. Antara maklumat yang dipaparkan adalah seperti berikut:

- Kadar pengiraan gaji minimum (bulanan, harian dan jam);
- Rasional di sebalik dasar gaji minimum;
- Kumpulan sasar yang layak (dan yang tidak layak) dibayar gaji minimum;
- Fungsi dan peranan Majlis Perundingan Gaji Negara (MPGN);
- Jenis-jenis bayaran yang boleh dan yang tidak boleh distrukturkan sebagai sebahagian gaji minimum; dan
- Penguatkuasaan dan penalti.

12. Bagi ruangan berita serta penerbitan pula, para majikan, pekerja dan orang awam boleh memuat-turun undang-undang perburuhan yang berkaitan termasuk perintah-perintah penundaan di bawah Akta Majlis Perundingan Gaji Negara 2011, kenyataan-kenyataan media, artikel-artikel dan video berhubung gaji minimum sebagai rujukan.

13. Oleh yang demikian, saya yakin portal ini akan dapat memberi maklumat terkini termasuk hasil kajian impak gaji minimum ke atas pasaran buruh negara (kadar pengangguran), penggajian pekerja asing dan impak terhadap transformasi negara seperti hasrat Kerajaan untuk

beralih dari industri berintensifkan buruh kepada industri berintensifkan modal dan *high value jobs*.

14. Saya menyeru agar Urus Setia MPGN dapat memberikan respons dan penjelasan kepada setiap persoalan yang diutarakan melalui portal gaji minimum ini dalam jangkamasa yang wajar.

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian.

15. Selepas sesi pelancaran portal ini, saya difahamkan dalam tempoh sebulan dua ini beberapa siri **klirik gaji minimum** bersama *industry players* akan diadakan di seluruh negara bagi memaklumkan tentang insentif-insentif sedia ada dan juga perkongsian maklumat dengan agensi-agensi berkaitan seperti MITI, SMECorp, MIDA, MPC, HRDF, MOF, LHDN dan agensi-agensi lain yang berkaitan. Dalam sesi *engagement* dengan tuan-tuan dan puan-puan pada hari ini, beberapa majikan yang telah melaksanakan gaji minimum dijemput untuk berkongsi pandangan tentang kaedah dan manfaat positif yang telah syarikat mereka perolehi. Diharap dengan perkongsian maklumat ini, tidak akan ada lagi majikan-majikan memberi pelbagai alasan untuk tidak melaksanakan gaji minimum.

16. Bagi saya klinik-klinik gaji minimum ini amat sesuai sekali memandangkan tarikh mula **pelaksanaan sepenuhnya** gaji minimum adalah pada 1 Januari 2014. Saya berharap semua pihak terutama majikan PKS dapat mengambil peluang ini untuk meraih manfaat sepenuhnya daripada klinik-klinik ini dan melaksanakan dasar gaji minimum dengan berkesan.

Tuan-tuan dan puan-puan.

17. Saya juga mengambil kesempatan ini untuk memperkenalkan logo bagi Majlis Perundingan Gaji Negara (MPGN). Dengan adanya identiti sebegini, saya percaya suatu hari nanti, MPGN akan menjadi sebuah institusi unggul seperti *Low Pay Commission* di United Kingdom yang disanjung dan dihormati di seluruh dunia termasuk oleh pertubuhan antarabangsa seperti International Labour Organization (ILO).

18. Akhir kata, saya sekali lagi merakamkan penghargaan dan mengucapkan tahniah kepada PEMANDU, terutamanya kepada rakan sejawat saya, YB Senator Dato' Sri Idris Jala atas sokongan beliau dalam membangunkan Portal Gaji Minimum dan dalam penganjuran Klinik Gaji Minimum dan juga atas segala sokongan beliau dalam pelaksanaan dasar gaji minimum.

19. Setinggi penghargaan juga kepada YBhg. Tan Sri Datuk Amar Steve Shim Lip Keong dan ahli-ahli MPGN yang telah bertungkus lumus merealisasikan Portal Gaji Minimum ini. Saya berharap YBhg. Tan Sri akan dapat membawa MPGN ke tahap yang lebih tinggi dalam aspek dasar gaji minimum di negara ini.

20. Dengan kata-kata itu, saya dengan sukacitanya merasmikan Portal Gaji Minimum pada pagi yang berbahagia ini.

Sekian, terima kasih.